

Kerelevanan Nilai Pelaporan Segmen di Malaysia

Goh Tuan Bue
Mohamat Sabri Hassan
Hamezah Md Nor

ABSTRAK

Kajian lepas mendapati pelaporan segmen adalah relevan untuk menilai risiko dan pulangan bagi firma yang mempunyai kepelbagaian aktiviti dan beroperasi di pelbagai lokasi. Oleh itu, beberapa penambahbaikan telah dilakukan untuk memastikan firma lebih telus dalam menyediakan laporan segmen. Di Malaysia, sejajar dengan perkembangan di peringkat antarabangsa, Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB) telah menerbitkan MASB 22 Segment Reporting pada tahun 2002 bagi menggantikan IAS 14 Segment Reporting, yang dikatakan banyak kelemahan. Kajian ini bertujuan untuk menguji sama ada maklumat segmen yang dilaporkan menurut MASB 22 adalah relevan dan berguna (korelevanan nilai) dalam pembuatan keputusan. Secara spesifiknya, kajian ini menguji korelevanan nilai perolehan segmen dan juga nilai buku bersih segmen. Hasil kajian mendapati bahawa perolehan segmen dan nilai buku bersih segmen mempunyai korelevanan nilai. Walau bagaimanapun, korelevanan nilai bagi nilai buku bersih segmen terhad dalam situasi tertentu. Ujian kesensitifan yang dijalankan juga menyokong penemuan ini. Konsisten dengan kajian terdahulu, kajian ini juga mendapati perolehan dan nilai buku bersih segmen tidak mempunyai kuasa penjelasan tambahan. Ini menunjukkan bahawa walaupun maklumat segmen mempunyai korelevanan nilai, pelabur masih mementingkan maklumat buku bersih dan perolehan firma dalam penentuan nilai firma.

ABSTRACT

Prior studies indicated that segment reporting is relevant for assessing risk and returns of firms with diversified activities and operated in multi-location. Therefore, several improvements were introduced to ensure firms are more transparent in providing segment reporting. In Malaysia, in line with the development at international level, Malaysian Accounting Standards Board (MASB) has issued MASB 22 Segment Reporting in 2002 to replace IAS 14 Segment Reporting, which has been said contain with several drawback. The aim of this study is to examine whether segment information as reported under MASB 22 is relevant and useful (value relevance) in decision making. Specifically, the present study attempts to examine the value relevance of

segment earnings and net book value. The results indicate that segment earnings and net book value are value relevant. However, the value relevant of segment net book value is limited to certain situation. Sensitivity analysis supports these findings. Consistence with previous studies, this study found that segment earnings and net book value do not have incremental explanatory power. This suggests that although segment earnings and net book value are value relevant, investors still consider firm's net book value and earnings important in determining firm's value.

PENGENALAN

Menurut Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB), maklumat segmen merujuk kepada maklumat berkaitan dengan jenis-jenis produk dan perkhidmatan syarikat dan operasinya di lokasi geografi yang berbeza. Kajian lepas mendapati laporan segmen adalah berguna dan relevan untuk tujuan ramalan perolehan dan jualan terutamanya bagi firma yang mempunyai kepelbagaian aktiviti dan beroperasi di pelbagai lokasi perniagaan (Balakrishnan, Harris & Sen 1990; Nicholas, Tunnell & Seipel 1995; Herrmann & Thomas 2000; Berger & Hann, 2003 dan Martin & Poli, 2004). Ini kerana setiap aktiviti dan lokasi perniagaan mempunyai risiko, pulangan dan prospek pertumbuhan yang berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian, ia akan memberi kesan yang berbeza terhadap perolehan keseluruhan firma (Radebaugh & Gray 1997). Sekiranya pendedahan maklumat dibuat secara agregat, maka pengguna penyata kewangan tidak mendapat gambaran yang sebenar berkenaan firma tersebut, dan dengan itu analisa prestasi sebenar perniagaan mungkin dipengaruhi oleh produk atau lokasi perniagaan yang lebih dominan (Porwal, Porwal & Lee 2001).

Kajian berkaitan pelaporan segmen telah banyak dijalankan semenjak tahun 1971. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tersebut menekankan kepada perolehan segmen sahaja, samada melihat perolehan segmen (1) secara umum (Kochanek 1974; Collins 1976; Silhan 1983; Silhan & McKeown 1985; Mande & Ortman 2002a, Berger & Hanns 2003; dan Ettredge, Kwon, Smith & Zarowin 2005), (2) berdasarkan segmen geografi (Balakrishnan et al. 1990; Boatsman, Behn & Patz 1993; Bodnar & Weintrop 1997 dan Thomas 2000), atau (3) berdasarkan segmen industri dan perniagaan (Tse 1989; Givoly, Hayn & D'Souza 1999 dan Chen & Zhang 2003). Antara lain kajian-kajian ini melihat samada pelaporan segmen dapat meningkatkan ketepatan ramalan perolehan firma, mempunyai korelevanan nilai serta mempunyai kesan ke atas penilaian risiko dan potensi pertumbuhan masa depan firma.

Kajian lepas berkaitan korelevanan nilai pelaporan segmen juga mendapati maklumat perolehan segmen mempunyai kesan penambahan nilai melebihi maklumat perolehan firma (Chen & Zhang 2003). Namun begitu, kajian-kajian tersebut hanya memberi tumpuan kepada maklumat perolehan

sahaja, sedangkan ianya bukanlah maklumat tunggal yang perlu dipersembahkan menurut piawaian perakaunan berkaitan pelaporan segmen. Pengguna penyata kewangan pula bukan sahaja menggunakan maklumat perolehan segmen tetapi turut juga menggunakan maklumat lain untuk tujuan pembuatan keputusan.

Salah satu maklumat penting yang diabaikan oleh kajian lepas ialah nilai buku firma dan nilai buku segmen. Kajian Collins, Maydew dan Weiss (1997) mendapati nilai buku firma mempunyai kerelevanan nilai yang semakin meningkat berbanding perolehan. Ini kerana kebergunaan maklumat perolehan menurun apabila terdapat peningkatan dalam pelaporan item tidak berulang, berlakunya perolehan negatif, firma menghadapi masalah kewangan, keberterusan perniagaan menjadi tidak menentu serta peningkatan bilangan firma bersaiz kecil dan aset tak nyata. Di samping itu, nilai buku juga didapati mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan melebihi perolehan firma (Hayn 1995; Burgstahler & Dichev 1997; Collins et al. 1997; King & Langli 1998; Graham & King 2000; Ho, Liu & Sohn 2001). Memandangkan maklumat nilai buku segmen tidak perlu dilaporkan sebelum IAS 14 (*Revised Segment Reporting* atau di Malaysia ianya dikenali sebagai MASB 22 *Segment Reporting* (Mulai tahun 2004 piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh MASB telah dikenali sebagai FRS setelah IFRS dibentuk. Oleh itu MASB 24 telah dikenali sebagai FRS14₂₀₀₄.) (mungkin sebab itu ianya tidak diambilkira dalam kajian lalu), maka kajian ini akan melanjutkan kajian terdahulu dengan menguji samada perolehan segmen dan nilai buku segmen mempunyai kerelevanan nilai. Walau bagaimanapun, kajian ini terhad kepada maklumat nilai buku bersih segmen operasi sahaja. Ini disebabkan MASB 22 hanya mewajibkan firma untuk mendedahkan maklumat nilai buku aset dan liabiliti segmen operasi sahaja.

Di Malaysia, kebanyakan kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif yang meliputi isu pematuhan pelaporan segmen dan mengaitkannya dengan ciri-ciri firma samada berdasarkan peruntukan IAS 14 *Segment Reporting* (Tan & Ngan 1991; Chow & Susela Devi 2001 dan Mazlina & Low, 2001) dan MASB 22 *Segment Reporting* (Porwal et al. 2001; Wan Nordin, Noriah, Nor Asma & Hasnah 2003 dan Talha, Salehuddin & Mohammad 2006).

Berbeza dengan kajian lain di Malaysia, artikel ini melihat kepentingan maklumat segmen dari perspektif di mana jika maklumat segmen berguna, maka ia akan mempengaruhi nilai atau harga saham firma. Kajian yang mengaitkan maklumat perakaunan dengan harga saham ini dikenali sebagai kajian kerelevanan nilai. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menguji kerelevanan nilai maklumat segmen yang dilaporkan mengikut keperluan MASB 22 bagi mengetahui kesannya kepada pembuatan keputusan pelaburan, i.e mengaitkan dengan harga saham firma. Berbeza dengan IAS 14, MASB 22 telah mengelaskan segmen kepada segmen perniagaan atau geografi, dan segmen ini boleh dilaporkan sebagai laporan segmen utama atau laporan

kedua. Pelaporan segmen yang dikaji adalah terhad kepada laporan segmen utama sahaja tanpa mengira ianya segmen perniagaan atau segmen geografi. Ini kerana keperluan pendedahan bagi laporan segmen utama adalah lebih terperinci berbanding laporan segmen kedua. Memandangkan kajian dijalankan setahun selepas MASB 22 diterima pakai, maka hasil kajian akan menunjukkan samada pelabur di Malaysia menggunakan maklumat segmen dalam pembuatan keputusan pelaburan mereka.

Kajian ini juga berbeza dengan kajian lepas di barat di mana kajian ini menggunakan model Ohlson (1995) untuk menguji kerelevanan nilai pelaporan segmen. Kajian lepas di barat (Chen & Zhang 2003 dan Tse 1989) menggunakan pendekatan dan piawaian yang berbeza. Oleh itu hasil kajian mereka tidak boleh digeneraliskan di Malaysia yang menggunakan piawaian perkaunan serta tertakluk kepada peraturan yang berbeza. Dengan itu hasil kajian ini diharap akan memberi sumbangan yang bermakna kepada kajian yang lepas.

Kajian ini juga diharap dapat memberi maklum balas kepada badan penyelia perakaunan di Malaysia tentang kesan pendedahan maklumat segmen ke atas harga saham dan ini dapat membantu mereka untuk membuat penambahbaikan terhadap piawaian perakaunan berkaitan dengan pelaporan segmen di masa hadapan. Ini sejajar dengan penekanan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia agar firma-firma yang tersenarai dapat menyediakan pelaporan kewangan yang lebih telus.

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengkaji perhubungan antara perolehan segmen dengan nilai saham firma yang tersenarai di Malaysia.
2. mengkaji perhubungan antara nilai buku segmen dengan nilai saham firma yang tersenarai di Malaysia.
3. mengkaji kesan penambahan kuasa penjelasan perolehan segmen ke atas nilai buku serta perolehan firma yang tersenarai di Malaysia.
4. mengkaji kesan penambahan kuasa penjelasan nilai buku segmen ke atas nilai buku dan perolehan firma serta perolehan segmen firma yang tersenarai di Malaysia.

Artikel ini seterusnya akan membincangkan latar belakang institusi yang meliputi penerbitan pelaporan segmen seperti IAS 14, IAS 14 (*revised*) dan MASB 22. Seterusnya ianya akan membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan pelaporan segmen. Ini diikuti oleh pembentukan hipotesis dan metodologi yang digunakan. Bahagian seterusnya akan membincangkan penemuan kajian dan diakhiri dengan kesimpulan.

LATAR BELAKANG INSTITUSI

Amerika Syarikat merupakan negara pertama yang memulakan inisiatif pelaporan segmen di mana pada tahun 1969, *Securities and Exchange*

Commission (SEC) telah mewajibkan pendedahan maklumat segmen perniagaan dalam dokumen pendaftaran syarikat. Dalam tahun 1974 pula, SEC telah mewajibkan pelaporan segmen dalam laporan tahunan syarikat. Dua tahun kemudian, atas desakan badan-badan perakaunan dan pelaburan agar pelaporan segmen secara lebih terperinci dibuat, maka *Financial Accounting Standard Board* (FASB) telah menerbitkan *Statement of Financial Accounting Standard No. 14: Financial Reporting for Segments of a Business Enterprise* (SFAS 14). Namun, SFAS 14 telah dikecam terutamanya dari segi definisi dan pengenalanpastian segmen. Oleh itu dalam tahun 1997, FASB telah menerbitkan *Statement of Financial Accounting Standard No. 131: (SFAS 131)*. SFAS 131 memerlukan syarikat melaporkan segmen operasi samada berdasarkan lini perniagaan, lokasi geografi atau kombinasi kedua-duanya. Di luar Amerika Syarikat, *International Accounting Standard Committee* (IASC), (Kini ianya telah dikenali sebagai *International Accounting Standards Board* (IASB)) telah mengambil langkah mengeluarkan *Exposure Draft No. 15: Reporting Financial Information by Segment* (E15) pada tahun 1980. Ini bagi memastikan maklumat perakaunan di negara-negara lain setara dengan pelaporan di Amerika Syarikat. Setahun kemudian, IASC menerbitkan IAS 14 *Segment Reporting* dan ia telah dikuatkuasakan mulai tahun 1983. Walau bagaimanapun, kandungannya agak ringkas di mana hanya 7 dari 25 perenggan mengandungi peraturan pendedahan yang perlu dipatuhi. Tidak hairanlah IAS 14 dikritik oleh penganalisa kewangan kerana mengandungi beberapa kelemahan tertentu (McConnell & Pacter 1995).

Antara kelemahannya, IAS 14 tidak memberi garis panduan terperinci kepada firma dalam pengenalanpastian segmen industri dan geografi yang signifikan. Firma juga diberi alternatif yang terlalu banyak bagi memenuhi keperluan pelaporan segmen akibat perundangan yang berbeza antara negara di mana firma beroperasi, tiada garis panduan yang jelas dalam mengenalpasti dan mengukur item hasil, belanja, keuntungan dan aset segmen (Street & Nichols 2002). Berikutan kritikan terhadap IAS 14, IASC telah mengeluarkan *Draft Statement of Principles: Reporting Financial Information by Segment* (DSOP), pada September 1994 bagi memulakan perbincangan mengenai pendekatan yang sesuai untuk menangani kelemahan IAS 14. Hasilnya, *Exposure Draft No. 51: Reporting Financial Information by Segment* (E 51) diterbitkan pada Disember 1995. Setelah meneliti kesemua maklum balas yang diterima, akhirnya, *International Accounting Standard No. 14 (Revised): Segment Reporting* (IAS 14 (Revised)) berjaya diterbitkan pada Ogos 1997 bagi menggantikan IAS 14 yang asal (McConnell & Pacter 1995).

Di Malaysia, peningkatan aktiviti penggabungan dan pengambilalihan serta operasi di luar negara yang rancak sekitar tahun 1980an menyedarkan semua pihak akan kepentingan pelaporan segmen (Tan & Ngan 1991). Oleh itu, pada tahun 1985, MACPA (Badan yang mengawal selia profesyen perakaunan ketika itu sebelum diambilalih oleh Institut Akauntan Malaysia

(MIA), dan kini dikenali sebagai *Malaysian Institute of Certified Public Accountant* (MICPA), telah menerima pakai IAS 14 dan telah dikuatkuasa pada tahun 1987. Semasa IAS 14 (*Revised*) diterbitkan pada tahun 1997, Malaysian Accounting Standards Board (MASB) baru ditubuhkan sebagai badan yang menerbitkan piawai perakaunan di Malaysia. Penubuhan MASB telah membuka ruang kepada pengamal perakaunan untuk memastikan maklumat yang berkualiti dan telus dipersembahkan kepada pengguna penyata kewangan. Selepas meneliti kesesuaian IAS 14 (*Revised*) di Malaysia, kesemua peruntukan IAS 14 (*Revised*) diterima pakai oleh MASB. Walau bagaimanapun, ianya telah dikenali sebagai MASB 22 *Segment Reporting* dan telah diterbitkan dalam tahun 2002. Namun begitu mulai 2004, MASB 22 telah dikenali sebagai FRS114₂₀₀₄ dan kandungan FRS114₂₀₀₄ ini masih sama dengan MASB 22.

MASB 22 dikatakan telah mengambilkira kelemahan-kelemahan dalam IAS 14 dengan membuat banyak pengubahsuaian menerusi penambahan dalam peruntukan-peruntukan yang wajib dipatuhi serta memberi garis panduan yang lebih terperinci mengenai pelaporan segmen. Ini bertujuan untuk memastikan maklumat segmen yang dilaporkan adalah lebih bermakna kepada pengguna untuk memahami prestasi lepas firma, memahami risiko dan pulangan firma serta dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya berkenaan firma secara keseluruhan (Porwal et al. 2001).

Antara perubahan yang dibuat dalam MASB 22 ialah:

1. Segmen telah didefinisikan berdasarkan kepada perniagaan dan geografi berbanding industri dan geografi (IAS 14). Ini disebabkan definisi segmen berdasarkan industri memberi ruang kepada syarikat untuk tidak mendedahkan segmen industri atas alasan mereka hanya beroperasi dalam satu sektor industri sahaja (Street & Nichols 2002). Manakala segmen perniagaan memerlukan firma untuk mendedahkan prestasi berdasarkan kepada produk atau perkhidmatan individu atau sekumpulan produk atau perkhidmatan yang mana risiko dan pulangannya berbeza dari segmen perniagaan lain.
2. Format pelaporan segmen dibahagikan kepada penyata segmen utama dan penyata segmen kedua. Firma perlu menentukan samada maklumat perniagaan atau geografi dilaporkan sebagai segmen utama atau kedua menggunakan pendekatan pengurusan berdasarkan risiko dan pulangan. Sekiranya segmen perniagaan dilaporkan sebagai segmen utama, maka segmen geografi akan dilaporkan sebagai segmen kedua. Format pelaporan sebegini memerlukan maklumat yang lebih terperinci didedahkan bagi penyata segmen utama berbanding segmen kedua. Ini berbeza dengan IAS 14 yang memerlukan kuantiti maklumat yang sama bagi kedua-dua segmen industri dan geografi.
3. MASB 22 memerlukan firma mendedahkan maklumat tambahan sebagai tambahan kepada keperluan IAS 14 yang sedia ada berkenaan jualan segmen, hasil, aset dan juga asas yang digunakan dalam menentukan harga pindahan. Maklumat terperinci berkenaan liabiliti, aset loji, harta

- dan peralatan, aset tak nyata, susutnilai dan pelunasan dan lain-lain bagi penyata segmen utama berbanding segmen kedua turut diperlukan.
4. IAS 14 banyak memberi ruang kepada syarikat untuk menggunakan budi bicara masing-masing. Oleh itu terdapat ruang untuk pengurus atau syarikat untuk memanipulasi maklumat segmen. MASB 22 memberi perincian tentang maklumat yang diperlukan. Antaranya; a) MASB 22 memerlukan polisi perakaunan yang sama digunakan untuk melaporkan maklumat segmen, b) MASB 22 memberi panduan terperinci tentang item yang perlu dimasukkan atau dikeluarkan dari hasil dan belanja segmen. Pengukuran yang standard digunakan untuk menentukan hasil segmen, c) MASB 22 membenarkan segmen yang kecil digabungkan dengan segmen yang lain sekiranya mereka berkongsi bilangan faktor yang mendefinisikan segmen perniagaan atau geografi yang besar atau ianya memenuhi kriteria yang tertentu.

Jadual 1 membandingkan keperluan pelaporan segmen menurut IAS 14 dan MASB 22.

KAJIAN LEPAS

Kajian terawal berkaitan dengan kebergunaan pelaporan segmen telah dijalankan oleh Mautz dalam tahun 1968. Hasil kajian mendapati 90.8% daripada penganalisa kewangan berminat untuk mengetahui maklumat segmen firma yang mempunyai lebih daripada satu jenis perniagaan dan beroperasi lebih dari satu lokasi. Namun begitu, laporan tahunan firma tersebut tidak memberi pendedahan maklumat segmen yang mencukupi. Maklumat segmen juga didapati berguna kepada penganalisa untuk membuat ramalan berkenaan jualan dan pendapatan bersih disatukan. Malahan maklumat tersebut dapat meningkatkan ketepatan ramalan pendapatan disatukan (Mande & Ortman 2002b).

Kajian Mautz (1968) serta Mande dan Ortman (2002b) membuktikan bahawa pengguna maklumat kewangan menggunakan maklumat segmen untuk tujuan pembuatan keputusan. Persoalannya, adakah maklumat segmen tersebut relevan dalam pembuatan keputusan mereka? Kajian lepas berkenaan kerelevanan nilai banyak tertumpu kepada angka perakaunan (Collins et al. 1997; Graham & King 2000 dan Ho et al. 2001) atau maklumat berkenaan nilai saksama dan juga instrumen kewangan (Barth, Beaver & Landsman 1996). Kecuali Muhd-Kamil, Marzita, Radziah dan Zaleha (2003), kajian tentang kerelevanan nilai bagi maklumat spesifik seperti maklumat segmen agak kurang dijalankan di Malaysia. Oleh itu kajian spesifik berkaitan maklumat segmen patut diberi penekanan kerana ia dapat memberi maklum balas kepada pembuat dasar dan juga firma tentang kepentingan pendedahan segmen.

JADUAL 1. Perbandingan peruntukan IAS 14 dan MASB 22

IAS 14	MASB 22
Diguna pakai untuk semua perniagaan yang mana sekuritinya didagangkan secara terbuka dan lain-lain perniagaan yang penting.	Diguna pakai untuk semua perniagaan yang mana sekuriti ekuiti atau hutang didagangkan secara terbuka, termasuk perniagaan yang dalam proses menerbitkan sekuriti saham atau hutang di pasaran terbuka.
Segmen didefinisikan berdasarkan kepada industri dan geografi.	Segmen didefinisikan berdasarkan kepada perniagaan dan geografi.
Garis panduan umum untuk pengenalpastian segmen.	Garis panduan terperinci untuk pengenalpastian segmen.
Kuantiti maklumat yang sama untuk segmen industri dan geografi.	Kuantiti pendedahan maklumat yang lebih untuk segmen utama berbanding segmen kedua.
Tidak menyatakan tentang penggunaan polisi perakaunan yang sama bagi pelaporan maklumat segmen untuk kumpulan dan syarikat.	Memerlukan penggunaan polisi yang sama bagi kumpulan dan syarikat.
Membenarkan perbezaan dalam mendefinisikan hasil segmen antara syarikat.	Menyediakan pengukuran yang standard untuk hasil segmen.
Tiada keperluan untuk memasukkan item yang sama atau berkaitan dalam hasil segmen atau aset segmen.	Keperluan untuk memasukkan item yang sama atau berkaitan dalam hasil dan aset segmen.
Tiada kenyataan samada segmen-segmen kecil boleh digabungkan atau dikeluarkan dengan atau dari segmen-segmen lain.	Membenarkan penggabungan jika memenuhi syarat tertentu.
Tiada kenyataan samada segmen geografi harus berdasarkan lokasi aset syarikat atau lokasi pelanggan.	Mana-mana asapun bagi segmen geografi, sesetengah item data mesti dipersembahkan berasaskan asas yang lain (kalau berbeza dengan signifikan)
Memerlukan pendedahan jualan segmen, hasil segmen, aset segmen yang digunakan dan asas untuk menentukan perletakan harga antara segmen.	Memerlukan maklumat tambahan sebagai tambahan kepada semua item dalam IAS 14 iaitu: 1. Bagi penyata segmen utama-liabiliti, kos logi, harta dan peralatan dan aset tak zahir yang diperolehi, belanja susutnilai dan pelunasan, belanja bukan tunai selain dari

bersambung

JADUAL 1 (sambungan)

	susutnilai dan pelunasan dan perkongsian untung dan rugi bersih syarikat bersekutu, usahasama dan lain-lain pelaburan yang dilaporkan menggunakan kaedah ekuiti.
	2. Bagi segmen kedua – kos logi, harta dan peralatan dan aset tak zahir yang diperolehi dalam tempoh semasa.
Tiada kenyataan berkenaan penyataan semula maklumat segmen period lepas.	Memerlukan penyataan semula melainkan ianya tidak praktikal.
Membenarkan penggunaan asas lain untuk harga pindahan selain yang sebenar.	Memerlukan penggunaan asas sebenar harga pindahan

Sumber : MASB 22 Segment Reporting

Kajian lepas berkenaan kerelevanan nilai pelaporan segmen boleh dibahagikan kepada dua iaitu (1) berdasarkan segmen geografi atau (2) segmen industri dan perniagaan. Boatsman et al. (1993) mengkaji kerelevanan nilai perolehan segmen geografi menurut keperluan SFAS 14. Hasil kajian mendapati pasaran menggunakan maklumat segmen geografi untuk menilai firma hanya dalam keadaan apabila perolehan segmen luar jangka adalah besar. Secara keseluruhannya, kajian mereka memberikan bukti yang sedikit tentang kesan pendedahan segmen terhadap nilai firma. Thomas (2000) telah membuat beberapa penambahbaikan terhadap metodologi dan ukuran yang telah digunakan dalam kajian Boatsman et al. (1993). Keputusan kajian beliau adalah berbeza dari Boatsman et al. (1993). Berdasarkan model perolehan/pulangan luar jangka, Thomas (2000) mendapati perbezaan yang signifikan dalam penilaian perolehan luar jangka bagi segmen geografi.

Kajian Bodnar dan Weintrop (1997) juga menguji maklumat perolehan segmen geografi tetapi dengan membahagikan segmen kepada segmen dalaman dan segmen luar negara. Hasil kajian adalah konsisten dengan Thomas (2000). Pada keseluruhannya kesemua kajian tersebut melaporkan kesan penambahan nilai perolehan segmen ke atas perolehan firma tetapi apabila ukuran R^2 diteliti, ia menunjukkan tidak ada kesan penambahan kuasa penjelasan oleh perolehan segmen ke atas perolehan firma.

Selain daripada kajian pelaporan segmen yang tertumpu pada segmen geografi, ada juga kajian yang hanya memfokus kepada segmen industri atau perniagaan. Tse (1989) menguji hubungan antara perolehan segmen industri yang mempunyai kadar pertumbuhan tinggi dan nilai saham firma. Ujian

dilakukan dengan membuat kawalan terhadap faktor risiko, pertumbuhan, pulangan serta perolehan firma. Hasil kajian mendapati perolehan segmen dengan kadar pertumbuhan yang tinggi mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan perolehan firma tetapi tiada kesan penambahan kuasa penjelasan. Givoly et al. (1999) menguji kerelevanan nilai perolehan segmen berdasarkan saiz jualan segmen. Hasil kajian mendapati perolehan segmen mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan pulangan saham tetapi kesan penambahan kuasa penjelasan perolehan segmen adalah pada tahap yang amat rendah (peningkatan R^2 sekitar 2%).

Kajian yang terkini oleh Chen dan Zhang (2003) pula menguji hubungan antara sisihan kadar perolehan antara segmen dengan nilai saham. Kajian ini menggunakan model berdasarkan opsyen sebenar (*real-options-based model*). Hasil kajian mendapati tahap sisihan kadar perolehan antara segmen mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai saham setelah kadar perolehan firma dikawal. Namun, seperti kesemua kajian di atas, Chen dan Zhang (2003) juga mendapati kesan penambahan kuasa penjelasan oleh kadar perolehan segmen ke atas kadar perolehan firma adalah amat lemah (peningkatan R^2 sekitar 1%). Ini disebabkan magnitud ekonomi yang dianggarkan berkaitan dengan maklumat segmen mempunyai ketepatan yang rendah atau mengandungi kesilapan pengukuran. Tambahan pula kualiti maklumat segmen, pada ketika itu, sentiasa menjadi persoalan pengguna maklumat kewangan. Dengan itu maklumat firma lebih digunakan kerana ianya dikatakan lebih tepat berbanding maklumat segmen (Givoly et al. 1999).

Pada keseluruhannya, hubungan positif yang signifikan antara perolehan segmen dengan nilai saham setelah perolehan firma dikawal menunjukkan maklumat perolehan segmen mempunyai kesan penambahan nilai ke atas perolehan keseluruhan firma. Selain daripada itu, keputusan kajian keseluruhannya menunjukkan perolehan segmen mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan yang amat lemah. Namun, kajian-kajian lepas telah menunjukkan bukti yang kukuh bahawa segmen yang mempunyai pulangan dan pertumbuhan yang lebih tinggi mempunyai pengaruh yang lebih besar terhadap nilai saham firma.

Selain dari maklumat perolehan, kajian lalu telah menunjukkan nilai buku juga memainkan peranan yang penting dalam pembuatan keputusan. Kajian lalu tentang kerelevanan nilai (seperti Collins et al. 1997; King & Langli 1998 dan Graham & King 2000) menunjukkan peningkatan dalam kerelevanan nilai nilai buku firma berbanding perolehan. Memandangkan kajian lepas tidak mengambilkira maklumat nilai buku segmen dalam kajian mereka, maka kajian yang diutarakan ini akan melanjutkan kajian tersebut dengan melihat kesan pendedahan maklumat buku segmen terhadap nilai pasaran ekuiti firma. Kajian ini diharap akan dapat mengesahkan kerelevanan maklumat buku segmen ke atas perolehan firma dan juga segmen.

PEMBENTUKAN HIPOTESIS

PEROLEHAN SEGMENT

Kajian lepas mengenai kerelevanan nilai perolehan segmen geografi dan perniagaan pada keseluruhannya mendapati bahawa perolehan segmen mempunyai kesan penambahan nilai ke atas perolehan firma. Dengan menggunakan metodologi yang berbeza, Bordnar dan Weintrop, 1997; Thomas, 2000; Tse, 1989; Givoly et al. 1999 dan Chen dan Zhang, 2003 menunjukkan hubungan yang positif antara perolehan segmen dan nilai saham. Oleh itu hipotesis pertama seperti berikut telah dibuat:

H1: Perolehan segmen mempunyai perhubungan yang positif dengan nilai saham firma (kerelevanan nilai).

Selain daripada kajian kesan penambahan nilai perolehan segmen di atas, kajian kesan penambahan kuasa penjelasan perolehan segmen turut telah diuji dalam kajian lepas. Tse (1989), Bordnar dan Weintrop (1997) serta Thomas (2000) mendapati perolehan segmen tidak mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan ke atas perolehan firma. Givoly et al. (1999) serta Chen dan Zhang (2003) pula mendapati kesan penambahan kuasa penjelasan perolehan segmen adalah pada tahap yang amat rendah. Namun begitu kajian lepas (Kinney 1971; Kochanek 1974; Collins 1976; Silhan 1983, 1985; Balakrishnan et al.1990), di United Kingdom (Emmanuel & Pick 1980; Roberts, 1989), di Australia (Aitken, Czernkowski & Hooper 1994) serta di Jepun (Mande & Ortman, 2002a) telah menunjukkan peningkatan ketepatan ramalan perolehan firma dengan menggunakan maklumat segmen. Oleh yang demikian, hipotesis berikut dibuat:

H2: Perolehan segmen mempunyai kuasa penjelasan tambahan melebihi kuasa penjelasan nilai buku serta perolehan firma di Malaysia.

NILAI BUKU SEGMENT

Kajian-kajian lepas yang menguji perbezaan kerelevanan nilai antara negara-negara juga mendapati nilai buku firma mempunyai kerelevanan nilai dan malahan kerelevanan nilainya kian meningkat berbanding perolehan (King & Langli 1998; Graham & King 2000). Oleh itu adalah dijangkakan bahawa nilai buku segmen yang merupakan subunit nilai buku firma juga mempunyai sifat kerelevanan nilai seperti nilai buku firma. Oleh itu, hipotesis yang berikut dibuat:

H3: Nilai buku segmen mempunyai perhubungan yang positif dengan nilai saham firma (kerelevanan nilai).

Kajian-kajian lepas mendapati bahawa perolehan segmen mempunyai kesan penambahan nilai tetapi tiada kesan penambahan kuasa penjelasan (Tse 1989; Bordnar & Weintrop 1997; Givoly et al. 1999; Thomas 2000; Chen & Zhang 2003). Namun, nilai buku segmen tidak diuji dalam kajian-kajian lepas tersebut. Nilai buku telah didapati mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan ke atas perolehan firma (Collin et al. 1997; King & Langli 1998; Graham & King 2000; Ho et al. 2001). Selain daripada itu kajian ramalan menunjukkan maklumat segmen yang lebih terperinci menghasilkan ramalan perolehan firma yang lebih tepat (Kinney 1971; Kochanek 1974; Collins 1976; Emmanuel & Pick 1980; Silhan 1983, Silhan & McKeown 1985; Roberts 1989; Balakrishnan et al. 1990; Aitken et al. 1994; Mande dan Ortman 2002a). Maka berdasarkan bukti-bukti empirikal tersebut hipotesis yang berikut dibuat:

H4: Nilai buku segmen mempunyai kuasa penjelasan tambahan melebihi kuasa penjelasan nilai buku dan perolehan firma serta perolehan segmen di Malaysia

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan laporan segmen yang diperolehi dari laporan tahunan syarikat bagi tahun berakhir 2003. Sampel syarikat yang dipilih secara rawak bersistematik merangkumi syarikat yang tersenarai di Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Malaysia (BM). Pemilihan adalah berdasarkan setiap syarikat yang berada pada kedudukan ke empat senarai syarikat di laman web BM. Syarikat kewangan telah dikeluarkan dari kajian kerana ianya tertakluk kepada peraturan yang berbeza dari syarikat dalam industri lain dan mungkin akan mempengaruhi keputusan kajian.

Kesemua laporan tahunan yang diperolehi dari syarikat yang dipilih akan disemak dan mana-mana syarikat yang memenuhi salah satu dari syarat-syarat berikut akan disingkirkan:

- Tidak menyediakan laporan segmen bagi laporan tahunan 2003.
- Tidak menyediakan laporan segmen berdasarkan MASB 22.
- Segmen terdiri daripada syarikat pegangan saham. Ini adalah kerana ia tidak mempunyai jenis perniagaan atau lokasi perniagaan yang tersendiri.
- Nilai pembolehubah syarikat yang melampau (*outlier*) seperti nilai buku bersih firma (sebagai contoh sebuah firma mempunyai amaun yang 18 kali ganda dari firma yang paling hampir dengannya) dan perolehan sesaham. Ia mungkin akan mempunyai pengaruh yang jauh berbeza dengan nilai syarikat yang lain dalam sampel.
- Tidak terdapat maklumat nilai saham dalam majalah *Investor Digest* atau surat khabar *theStar* (*theStar* adalah untuk nilai saham pada 30 Jun 2004 sahaja).

Sebanyak 249 buah syarikat telah dipilih untuk kajian ini yang meliputi kedua-dua papan penyenaian. Semakan selanjutnya mendapati sebanyak 149 buah syarikat terpaksa digugurkan dari kajian ini kerana memenuhi salah satu syarat yang dinyatakan di atas. Hanya 100 buah syarikat sahaja sesuai digunakan dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan bilangan sampel yang digunakan untuk kajian ini.

JADUAL 2. Kriteria pemilihan sampel

Penapisan Bilangan Syarikat	
Bilangan syarikat pada setiap kedudukan ke empat senarai di laman web BM	249
Tolak:	
Syarikat kewangan	13
Segmen syarikat pemegang saham	8
Syarikat yang harga saham tidak diperolehi	17
Syarikat yang tidak ada laporan tahunan 2003 di laman web BM	18
Syarikat yang tidak menyediakan laporan segmen	84
Syarikat yang mempunyai nilai keterlaluan (<i>outlier</i>)	3
Syarikat yang tidak menggunakan format MASB 22	6
Bilangan syarikat dalam sampel	100

Jadual 3 melaporkan pecahan firma yang dikaji mengikut jenis industri untuk Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Malaysia. Secara keseluruhannya, bilangan firma yang tersenarai di Papan Utama adalah dua kali ganda dari firma yang tersenarai di Papan Kedua. Peratusan firma di Papan Kedua bagi setiap industri adalah kurang dari 50% dari jumlah firma dalam sampel kajian kecuali industri pembinaan. Pemilihan sampel ini konsisten dengan purata peratusan firma tersenarai di Papan Kedua BM dalam tahun 2003 (31.6%).

MASB 22 mula dilaksanakan mulai tahun 2002. Oleh itu kemungkinan bilangan firma yang mematuhi MASB 22 dalam tahun 2002 adalah amat sedikit. Tambahan pula, bilangan firma yang tempoh perakaunan berakhir selain daripada 31 Disember agak signifikan. Oleh yang demikian, laporan segmen tahun 2002 tidak diuji. Tahun 2003 dipilih kerana ianya merupakan tahun pertama semua syarikat dikehendaki mematuhi MASB 22. Maka maklumat segmen di bawah MASB 22 sudah tentu boleh diperolehi daripada laporan tahunan 2003.

Memandangkan MASB 22 memerlukan kuantiti maklumat yang berbeza bagi segmen utama dan kedua, maka kajian ini hanya menumpukan kepada

JADUAL 3. Pecahan firma berdasarkan jenis industri di papan utama dan papan kedua Bursa Malaysia

Jenis Industri	Bilangan di Papan Utama	Bilangan di Papan Kedua	Jumlah Keseluruhan
Pembinaan	4	5	9
Barangan Pengguna	10	4	14
Barangan Industri	15	13	28
Infrastruktur	1	0	1
Perladangan	5	2	7
Hartanah	13	1	14
Teknologi	5	2	7
Perdagangan/Perkhidmatan	16	4	20
Jumlah	69	31	100

segmen utama sahaja, tanpa mengira ianya segmen industri ataupun segmen geografi. Ini bagi memastikan tahap pendedahan yang seimbang diperolehi antara firma. Seterusnya dua segmen dengan jualan terbesar dipilih kerana didapati jumlah jualan kedua-dua segmen ini menyumbang lebih dari 50% hasil jualan firma.

MODEL KAJIAN

Model yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada model Ohlson (1995). Model ini juga digunakan dalam kebanyakan kajian-kajian lepas mengenai kerelevanan nilai seperti dalam kajian Collin et al. (1997), King dan Langli (1998), Graham dan King (2000), Ho et al. (2001) dan Hassan, Percy dan Stewart (2006). Ianya ditunjukkan dalam persamaan berikut:

$$P = \alpha_0 + \alpha_1 b + \alpha_2 x + \varepsilon$$

Di mana P adalah harga saham bagi firma pada hujung tahun, b adalah nilai buku ekuiti (aset bersih) firma dan x adalah perolehan firma bagi setiap pemegang saham.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini persamaan di atas melanggar andaian kenormalan dan sisihan yang sama, maka transformasi log dilakukan ke atas harga saham. Harga saham tiga bulan dari tarikh kunci kira-kira syarikat digunakan bagi memastikan ianya telah mengambilkira maklumat dalam laporan tahunan syarikat (Collins et al. 1997; Chen & Zhang 2003). Oleh itu persamaan di atas telah dibentuk seperti persamaan 1:

$$NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \varepsilon \quad (1)$$

NS = Log nilai pasaran sesaham pada 3 bulan dari tarikh kunci kira-kira

NB = Nilai buku bersih sesaham firma

PS = Perolehan sesaham firma

Bagi menguji kesan penambahan nilai dan kesan penambahan kuasa penjelasan perolehan segmen dan nilai buku segmen, persamaan (1) dikembangkan dengan menambahkan pembolehubah jumlah perolehan segmen dan nilai buku segmen. Perolehan segmen serta nilai buku segmen ditentukan berdasarkan kepada dua segmen dengan jualan terbesar. Ini memandangkan lebih dari 50% jumlah jualan firma disumbangkan oleh dua segmen terbesar. Ini ditunjukkan oleh persamaan (2) dan (3). Persamaan (2) dibentuk bagi menjawab hipotesis 1, manakala persamaan (3) akan menjawab hipotesis 3.

$$NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_3 PSEG + \epsilon \quad (2)$$

$$NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \alpha_3 PSEG + \alpha_4 NBSEG + \epsilon \quad (3)$$

dimana:

NS = Log nilai pasaran sesaham pada 3 bulan dari tarikh kunci kira-kira

NB = Nilai buku bersih sesaham firma

PS = Perolehan sesaham firma

$PSEG$ = Perolehan segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar

$NBSEG$ = Nilai buku bersih segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar

Memandang MASB 22 mendefinisikan nilai aset serta liabiliti segmen sebagai aset dan liabiliti dari operasi, maka nilai buku bersih segmen merupakan perbezaan antara jumlah aset operasi segmen dan jumlah liabiliti operasi segmen. Aset segmen dan liabiliti segmen ini tidak termasuk aset dan liabiliti cukai pendapatan.

Jika $\alpha_3 \neq 0$ dan signifikan dalam persamaan (2) dan (3), maka ini bermakna terdapat hubungan di antara nilai saham dengan jumlah perolehan segmen setelah nilai buku firma dan perolehan firma dikawal. Jika $\alpha_4 \neq 0$ dan dalam persamaan (3), maka terdapat perhubungan di antara nilai saham dengan nilai buku bersih segmen, setelah nilai buku, perolehan firma dan jumlah perolehan segmen dikawal. Ini bermakna i) jumlah perolehan segmen mempunyai kesan penambahan nilai melebihi nilai maklumat yang diberikan oleh nilai buku serta perolehan firma dan ii) nilai buku bersih segmen mempunyai kesan penambahan nilai melebihi nilai maklumat yang diberikan oleh nilai buku dan perolehan firma serta perolehan segmen (Barth 1994; Venkatachalam 1996; Simko 1999; Hassan et al. 2006).

Collins et al. (1997), Graham dan King (2000) dan Hassan et al. (2006) menguji kesan penambahan kuasa penjelasan sesuatu pemboleh ubah dengan membandingkan bacaan R^2 terlaras persamaan dengan pemboleh ubah yang ingin diuji dan bacaan R^2 terlaras persamaan tanpa pemboleh ubah tersebut. Bacaan R^2 mengukur tahap kekuatan perhubungan antara nilai saham dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas yang diuji. Berdasarkan kajian tersebut, kami membandingkan bacaan R^2 terlaras persamaan (2) dengan bacaan R^2 terlaras persamaan (1) bagi melihat samada jumlah perolehan segmen mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan melebihi kuasa penjelasan nilai buku dan perolehan firma. Sekiranya bacaan R^2 terlaras persamaan (2) adalah lebih tinggi daripada R^2 terlaras persamaan (1), maka jumlah perolehan segmen dikatakan mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan melebihi kuasa penjelasan nilai buku dan perolehan firma.

Seterusnya kami menguji sama ada nilai buku bersih segmen mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan melebihi kuasa penjelasan perolehan firma, nilai buku firma serta jumlah perolehan segmen dengan membandingkan bacaan R^2 terlaras persamaan (3) dengan bacaan R^2 terlaras persamaan (2). Sama seperti di atas, jika R^2 terlaras persamaan (3) adalah lebih tinggi daripada R^2 terlaras persamaan (2), maka nilai buku bersih segmen dikatakan mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan melebihi kuasa penjelasan perolehan firma, nilai buku firma dan jumlah perolehan segmen.

PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

STATISTIK DESKRIPTIF

Jadual 4 melaporkan matriks korelasi Pearson bagi pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Jadual 4 menunjukkan korelasi yang tertinggi adalah antara nilai pasaran sesaham firma dan perolehan segmen sesaham (0.661). Ini diikuti oleh hubungan antara nilai buku bersih segmen sesaham dan perolehan segmen sesaham (0.581). Ini menunjukkan masalah multikolineran masih dalam keadaan tidak membimbangkan (Kennedy, 1998). Walau bagaimanapun, beberapa ujian telah dilakukan untuk memastikan tiadanya korelasi antara pemboleh ubah. Ujian nilai VIF menunjukkan nilai VIF setiap pemboleh ubah adalah kurang dari 3. Nilai VIF kurang dari 10 menunjukkan korelasi antara pemboleh ubah tidak membimbangkan. Manakala ujian korelasi statistik Q dan *Breusch-Godfrey Serial Correlation LM Test* (hasil tidak dilaporkan) juga mendapati tiadanya korelasi antara pemboleh ubah.

Jadual 5 melaporkan statistik deskriptif berkaitan dengan pemboleh ubah. Jadual 5 menunjukkan purata nilai pasaran sesaham (NS)

JADUAL 4. Matriks korelasi Pearson

Pearson	NS	NB	PS	PSEG	NBSEG
NS	1.000				
NB	0.223*	1.000			
PS	0.011	0.275**	1.000		
PSEG	0.661**	-0.23	-0.413**	1.000	
NBSEG	0.404**	-0.509**	-0.149	0.581**	1.000
VIF		2.030	1.563	2.568	2.842

** & * menunjukkan korelasi adalah signifikan masing-masing pada aras $p < 0.01$ dan $p < 0.05$

NS = Log nilai pasaran sesaham pada 3 bulan dari tarikh kunci kira-kira

NB = Nilai buku bersih sesaham firma

PS = Perolehan sesaham firma

PSEG = Perolehan segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar

NBSEG = Nilai buku bersih segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar

JADUAL 5. Statistik deskriptif

	Min	Median	Maksimum	Minimum	Sisihan Piawai
NS	0.3555	0.3818	2.3514	-2.2073	0.8641
NB	0.2791	0.2086	3.3061	-5.1094	1.1064
PS	-0.0930	-0.0632	0.2964	-0.6185	0.1512
PSEG	0.1829	0.1750	-0.5336	0.2320	0.6120
NBSEG	1.5319	1.3317	5.9458	-1.3084	1.1521

NS = Log nilai pasaran sesaham pada 3 bulan dari tarikh kunci kira-

NB = Nilai buku bersih sesaham firma

PS = Perolehan sesaham firma

PSEG = Perolehan segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar

NBSEG = Nilai buku bersih segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar

adalah 0.3555 dengan nilai minimum dan maksimumnya masing-masing -2.2073 dan 2.3514. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang agak ketara antara firma dalam sampel kajian. Walau bagaimanapun, sisihan piawai bagi sampel tidak terlalu jauh dari nilai min. Perkara yang sama didapati bagi pembolehubah yang lain. Secara purata nilai buku bersih sesaham (NB) adalah 0.2791 dengan sisihan piawai 1.1064. Berbeza dengan NB, secara puratanya nilai buku sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar (NBSEG) adalah 1.5319, dengan nilai maksimum 5.9458. Walau bagaimanapun, sisihan piawai NBSEG adalah lebih kurang sama dengan sisihan piawai NB.

HASIL UJIAN REGRASI

Jadual 6 melaporkan keputusan regresi kerelevanan nilai perolehan segmen dan nilai buku segmen. Hasil kajian ini mendapati bahawa kedua-dua maklumat tersebut mempunyai kerelevanan nilai; i.e mempunyai perhubungan yang signifikan dengan nilai saham firma. Secara umumnya, model Ohlson (1995) yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan bahawa perolehan sesaham firma (PS) dan nilai buku bersih firma (NB) mempengaruhi nilai pasaran firma. Panel A Jadual 6, melaporkan PS dan NB mempunyai hubungan positif yang signifikan masing-masing pada tahap $p < 0.01$ dan $p < 0.05$ dengan nilai pasaran saham pada titik masa 3 bulan. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua maklumat perolehan dan nilai buku bersih memainkan peranan dalam mempengaruhi nilai pasaran saham firma (mempunyai kerelevanan nilai). Ini adalah konsisten dengan kajian Ohlson (1995).

Panel B Jadual 6, melaporkan bahawa nilai buku bersih firma (NB) masih lagi signifikan pada tahap $p < 0.05$ apabila maklumat perolehan sesaham bagi segmen (PSEG) diambilkira dalam persamaan. Namun begitu, perkaitan antara PS dan NS hanya signifikan pada $p < 0.10$. Walau bagaimanapun, pendedahan maklumat PSEG telah mempengaruhi pembuatan keputusan, apabila ianya mempunyai perhubungan yang positif dengan nilai pasaran firma pada $p < 0.01$. Ini menunjukkan perolehan segmen mempunyai kerelevanan nilai.

Panel C Jadual 6 melaporkan bahawa apabila nilai buku bersih segmen sesaham (NBSEG) dimasukkan dalam persamaan (3), NB dan PSEG masih lagi signifikan masing-masing pada tahap $p < 0.05$ dan $p < 0.01$. Di samping itu Panel C juga melaporkan NBSEG turut signifikan pada tahap $p < 0.05$. Ini menunjukkan maklumat perolehan segmen dan nilai buku segmen mempunyai kerelevanan nilai.

Untuk melihat samada keputusan di Jadual 6 dipengaruhi oleh segmen tertentu, maka ujian di atas dilanjutkan dengan membahagikan perolehan dan nilai buku segmen berdasarkan saiz jualan segmen terbesar dan kedua terbesar. Jadual 7 melaporkan keputusan regresi segmen jualan terbesar dan kedua terbesar. Keputusan menunjukkan maklumat segmen mempunyai kerelevanan nilai. Jadual 7 menunjukkan perolehan segmen mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai saham bagi kedua-dua segmen (PSEG1 signifikan pada $p < 0.01$, dan PSEG2 pada $p < 0.05$). Walau bagaimanapun, kerelevanan nilai maklumat buku terhad kepada nilai buku firma. Namun begitu, nilai buku bersih segmen jualan kedua terbesar dan perolehan sesaham firma signifikan pada tahap yang rendah ($p < 0.10$). Ini memberi implikasi bahawa hanya perolehan segmen secara konsisten mempunyai kesan penambahan nilai terhadap maklumat NB dan PS firma dan memainkan peranan dalam mempengaruhi nilai saham.

Jadual 8 melaporkan keputusan bagi ujian kesan penambahan kuasa penjelasan nilai buku segmen dan perolehan segmen. Jadual ini menunjukkan perolehan segmen mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan ke atas

JADUAL 6. Hasil ujian kerelevanan nilai jumlah perolehan dan nilai buku segmen

Panel A: $NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \epsilon$

Pembolehubah	Pekali	t	p
NB	0.2136	2.4429	0.0164*
PS	2.0531	3.2224	0.0017**
Konstan	-0.2158	-1.6659	0.0990

Tahap signifikan: ** dan * masing-masing pada $p < 0.01$ dan $p < 0.05$ R^2 terselaras: 0.5353

Panel B: $NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \alpha_3 PSEG + \epsilon$

Pembolehubah	Pekali	t	p
NB	0.1996	2.3974	0.0184*
PS	1.3277	1.7534	0.0827
PSEG	2.2676	0.5717	0.0001**
Konstan	-0.2972	-2.1371	0.0351

Tahap signifikan: ** dan * masing-masing pada $p < 0.01$ dan $p < 0.05$ R^2 terselaras: 0.5564

Panel C: $NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \alpha_3 PSEG + \alpha_4 NBSEG + \epsilon$

Pembolehubah	Pekali	t	p
NB	0.2187	2.4351	0.0168*
PS	1.3191	1.7573	0.0821
PSEG	2.3921	4.4932	0.0000**
NBSEG	0.1564	2.0118	0.0471*
Konstan	-0.2598	-1.8908	0.0617

Tahap signifikan: ** dan * masing-masing pada $p < 0.01$ dan $p < 0.05$ R^2 terselaras: 0.5561

- NS = Log nilai pasaran sesaham pada 3 bulan dari tarikh kunci kira- kira untuk firma.
 NB = Nilai buku bersih sesaham firma.
 PS = Perolehan sesaham firma.
 PSEG = Perolehan segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar.
 NBSEG = Nilai buku bersih segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar.

nilai buku dan perolehan firma yang amat kecil (2.11%). Penambahan ini adalah amat kecil dan adalah seperti yang didapati dalam kajian-kajian lepas (Thomas 2000; Givoly et al. 1999 dan Chen & Zhang 2003). Nilai buku segmen pula mempunyai kesan negatif terhadap kuasa penjelasan. Oleh yang demikian, konsisten dengan kajian lepas, kajian ini merumuskan

JADUAL 7. Ujian kerelevanan nilai p Perolehan dan nilai buku segmen jualan terbesar dan kedua terbesar

$$NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \alpha_3 PSEG1 + \alpha_4 PSEG2 + \alpha_5 NBSEG1 + \alpha_6 NBSEG2 + \epsilon$$

Pembolehubah	Pekali	t	p
NB	0.2252	2.4272	0.0171*
PS	1.3032	1.7269	0.0875
PSEG1	2.5647	4.4244	0.0000**
PSEG2	1.6350	2.1751	0.0322*
NBSEG1	0.1398	1.4797	0.1423
NBSEG2	0.2055	0.1081	0.0604
Konstan	-0.2665	-1.9107	0.0591

Tahap signifikan: ** = $p < 0.01$ dan * = $p < 0.05$ R^2 terlaras 0.5515

NS = Log nilai pasaran sesaham pada 3 bulan dari tarikh kunci-kira-kira untuk firma.

NB = Nilai buku bersih sesaham firma

PS = Perolehan sesaham firma

PSEG1 = Perolehan segmen sesaham jualan terbesar

PSEG2 = Perolehan segmen sesaham jualan kedua terbesar

NBSEG1 = Nilai buku bersih segmen sesaham jualan terbesar

NBSEG2 = Nilai buku bersih segmen sesaham jualan kedua terbesar

JADUAL 8. Kesan penambahan kuasa penjelasan perolehan segmen dan nilai buku segmen

Persamaan Regrasi:

$$NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \epsilon \quad (1)$$

$$NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \alpha_3 PSEG + \epsilon \quad (2)$$

$$NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \alpha_3 PSEG + \alpha_4 NBSEG + \epsilon \quad (3)$$

NS = Log nilai pasaran sesaham pada 3 bulan dari tarikh kunci-kira-kira untuk firma.

NB = Nilai buku bersih sesaham firma

PS = Perolehan sesaham firma

PSEG = Perolehan segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar.

NBSEG = Nilai buku bersih segmen sesaham bagi dua segmen dengan jualan terbesar.

	R^2 terlaras
(1)	0.5353
(2)	0.5564
(3)	0.5561
	Perbezaan R^2
(2) - (1)	0.0211
(3) - (2)	-0.0003

bahawa perolehan segmen tidak mempunyai kuasa penjelasan tambahan melebihi nilai buku dan perolehan firma, dan nilai buku segmen tidak mempunyai kuasa penjelasan tambahan melebihi nilai buku dan perolehan firma serta perolehan segmen.

UJIAN KESENSITIFAN

Keputusan ujian-ujian di atas menunjukkan nilai buku bersih segmen sampel tidak mempunyai kesan penambahan nilai yang konsisten mahupun kesan penambahan kuasa penjelasan. Ini mungkin dipengaruhi oleh faktor saiz syarikat kerana syarikat yang mempunyai saiz lebih besar mempunyai kepelbagaian yang lebih tinggi (Collins et al. 1997). Untuk melihat samada keputusan tersebut adalah dipengaruhi oleh saiz syarikat, ujian berasingan dilakukan ke atas sampel syarikat yang tersenarai di Papan Utama dan Kedua Bursa Malaysia. Lajur 2, Jadual 9 melaporkan keputusan regresi syarikat yang tersenarai di Papan Utama. Keputusan regresi menunjukkan perolehan segmen jualan terbesar dan kedua terbesar mempunyai hubungan positif yang signifikan pada tahap $p < 0.01$. Namun nilai buku bersih segmen syarikat di Papan Utama masih tidak mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai saham.

Lajur 3, Jadual 9 melaporkan keputusan regresi firma di Papan Kedua. Keputusan menunjukkan perolehan segmen jualan terbesar mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai saham pada tahap $p < 0.05$. Manakala bagi perolehan segmen jualan kedua terbesar hanya signifikan pada $p < 0.10$. Lajur 3 juga menunjukkan yang nilai buku bersih segmen jualan terbesar dan kedua terbesar mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai saham masing-masing pada $p < 0.01$ dan $p < 0.05$. Bacaan R^2 terselaras bagi firma di kedua-dua papan Bursa Malaysia masih konsisten dengan bacaannya bagi keseluruhan sampel. Oleh yang demikian, kami merumuskan bahawa perolehan segmen tidak mempunyai kuasa penjelasan tambahan melebihi nilai buku dan perolehan firma dan nilai buku segmen tidak mempunyai kuasa penjelasan tambahan melebihi nilai buku dan perolehan firma serta perolehan segmen.

PERBINCANGAN

Hasil ujian di atas menunjukkan yang perolehan segmen mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai saham setelah nilai buku serta perolehan firma dikawal (Jadual 6, 7 dan 9). Keputusan yang konsisten juga didapati dalam ujian-ujian kesensitifan. Hasil ini adalah konsisten dengan kajian-kajian lepas seperti Chen dan Zhang (2003) serta Tse (1989). Ini memberi implikasi bahawa perolehan segmen mempunyai kesan penambahan nilai ke atas nilai buku dan perolehan firma (Chen & Zhang 2003). Oleh itu,

JADUAL 9. Ujian kerelevanan nilai atas papan utama dan kedua bursa Malaysia

$$NS = \alpha_0 + \alpha_1 NB + \alpha_2 PS + \alpha_3 PSEG1 + \alpha_4 PSEG2 + \alpha_5 NBSEG1 + \alpha_6 NBSEG2 + \epsilon$$

Pembolehubah	Papan Utama (n=69)			Papan Kedua (n=31)		
	Pekali	t	p	Pekali	t	p
NB	0.1296	1.3377	0.1859	0.8131	2.8561	0.0093**
PS	2.5216	3.3611	0.0013**	-0.9072	-1.1724	0.2525
PSEG1	3.4013	4.5266	0.0000**	1.8653	2.2947	0.0308*
PSEG2	2.8507	3.0038	0.0038**	-3.6887	-1.9234	0.0664
NBSEG1	0.0292	0.2777	0.7821	0.8551	3.4262	0.0022**
NBSEG2	0.0911	0.8390	0.4047	0.7181	2.3458	0.0276*
Konstan	-0.1702	-1.0166	0.3133	-1.1438	-3.7298	0.0010

Tahap signifikan: ** = p<0.01	Tahap signifikan: ** = p<0.01
* = p<0.05,	* = p<0.05,
R ² terlaras = 0.5776	R ² terlaras = 0.5377

- NS = Log nilai pasaran sesaham pada 3 bulan dari tarikh kunci kira-kira untuk firma.
 NB = Nilai buku bersih sesaham firma
 PS = Perolehan sesaham firma
 PSEG1 = Perolehan segmen sesaham jualan terbesar
 PSEG2 = Perolehan segmen sesaham jualan kedua terbesar
 NBSEG1 = Nilai buku bersih segmen sesaham jualan terbesar
 NBSEG2 = Nilai buku bersih segmen sesaham jualan kedua terbesar

hasil kajian ini menyokong hipotesis yang pertama di mana perolehan segmen dikatakan mempunyai kerelevanan nilai.

Seterusnya kajian ini menunjukkan nilai buku bersih segmen tidak menunjukkan perhubungan yang konsisten dengan nilai saham. Secara keseluruhannya nilai buku bersih segmen mempunyai kesan ke atas harga pasaran firma (Jadual 6, panel C). Oleh itu nilai buku segmen dikatakan mempunyai kerelevanan nilai, dan ini menyokong hipotesis ke tiga kajian ini. Walau bagaimanapun perhubungan ini dipengaruhi oleh firma yang tersenarai di Papan Kedua BM, seperti yang dilaporkan dalam Jadual 9.

Ujian secara berasingan ke atas jualan terbesar dan kedua terbesar (Jadual 7) mendapati bahawa nilai buku bersih segmen tidak mempunyai kerelevanan nilai. Ini menunjukkan pengguna lebih banyak menggunakan maklumat perolehan segmen dan nilai buku firma dalam mempengaruhi harga pasaran firma. Ini mungkin disebabkan MASB 22 hanya menghendaki firma mendedahkan maklumat nilai buku segmen yang terhad kepada aset dan liabiliti operasi untuk segmen masing-masing sahaja. Dengan itu maklumat nilai buku segmen menyukarkan pelabur membuat penilaian tentang kekuatan kedudukan kewangan syarikat dalam situasi tersebut. Oleh

itu dalam situasi ini nilai buku segmen menjadi kurang relevan berbanding dengan nilai buku firma yang secara konsisten adalah berhubungan secara positif dengan nilai saham firma.

Selain daripada itu, hasil kajian juga menunjukkan perolehan segmen, tak kira jualan terbesar atau kedua terbesar, adalah signifikan dan ianya telah mengurangkan kerelevanan maklumat perolehan firma atau segmen yang lain. Ini mungkin disebabkan segmen jualan terbesar (jumlah kedua-dua segmen jualan terbesar) mempunyai daya saing yang lebih tinggi daripada segmen dengan jualan lebih kecil kerana penguasaan pasarannya yang lebih besar. Ini menyebabkan pertumbuhan masa depannya yang lebih stabil dan tinggi (Tse 1989). Oleh itu, perolehannya masih relevan dalam penilaian saham. Ini memberi implikasi bahawa segmen dengan jualan lebih kecil mempunyai prestasi masa depan yang lebih tidak menentu berbanding dengan segmen jualan terbesar dan oleh itu tidak mempunyai kerelevanan nilai. Hasil kajian ini adalah relevan dalam membuktikan maklumat segmen membantu dalam pembuatan keputusan dan pendedahannya bersama-sama maklumat perakaunan yang lain adalah sesuatu yang wajar. Pengabaian atau salah guna maklumat segmen boleh menyebabkan kesilapan penilaian (Chen & Zhang 2003).

Ujian penambahan kuasa penjelasan perolehan segmen dan nilai buku bersih segmen menunjukkan tiada kesan penambahan kuasa penjelasan bagi kedua-dua pembolehubah ini. Peningkatan R^2 adalah sama dengan kajian Chen dan Zhang (2003), iaitu sekitar 0% ke 2%. Oleh itu hipotesis 2 dan 4 adalah ditolak. Ujian kesensitifan yang mengasingkan syarikat kepada Papan Utama dan Kedua juga tidak menunjukkan maklumat perolehan dan nilai buku bersih segmen mempunyai kesan penambahan kuasa penjelasan. Ini mungkin disebabkan apabila kerelevanan nilai perolehan firma menurun, penggunaan perolehan segmen tersebut dalam penilaian saham turut terjejas kerana prestasi masa depannya juga menjadi lebih sukar untuk diramal. Ini menyebabkan kelemahan kesan penambahan kuasa penjelasan perolehan segmen jualan terbesar walaupun ia masih mempunyai kesan penambahan nilai.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan melihat kerelevanan nilai maklumat segmen, i.e perolehan segmen dan nilai buku segmen. Hasil kajian mendapati hanya maklumat perolehan segmen sahaja yang secara konsisten mempunyai hubungan yang signifikan dengan harga saham. Manakala maklumat nilai buku bersih segmen tidak menunjukkan hasil yang konsisten. Hasil kajian mendapati kedua-dua maklumat segmen ini tidak mempunyai kuasa penjelasan tambahan melebihi perolehan dan nilai buku firma. Ini mungkin dipengaruhi oleh

faktor MASB baru sahaja diterima pakai dalam tahun 2002, dan firma dan pelabur serta bakal pelabur mungkin belum bersedia dengan format pelaporan yang baru berbanding keperluan dalam IAS 14. Hasil kajian ini menunjukkan maklumat segmen adalah berguna dalam mempengaruhi harga saham firma. Oleh itu pendedahan maklumat segmen bersama-sama maklumat agregat firma amat signifikan kepada pelabur dan wajar dipantau oleh pembuat dasar seperti Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan MASB. Ini bagi memastikan firma-firma membuat pendedahan atau pelaporan segmen dalam penyata kewangan mereka dan dengan itu kepentingan pelabur akan terjaga.

Hasil kajian ini perlu dipertimbangkan secara berhati-hati memandangkan beberapa limitasi yang ada. Pertama, syarikat mengemukakan laporan tahunan beberapa bulan selepas tarikh akhir tahun kewangan. Maka untuk memastikan harga saham yang digunakan dalam ujian mengambil kira reaksi pelabur terhadap maklumat peny»<a kewangan, harga saham pada tiga bulan selepas tarikh akhir tempoh perakaunan digunakan. Ujian menggunakan maklumat harga saham enam bulan selepas tarikh perakaunan syarikat juga menunjukkan hasil yang sama (hasil tidak dilaporkan). Namun begitu, tarikh yang digunakan bukan tarikh sebenar penyiaran penyata kewangan maka ini mungkin menyebabkan hasil kajian tidak menggambarkan reaksi sebenar pelabur ketika maklumat laporan segmen mula-mula dikemukakan.

Kedua, tahun 2003 merupakan tahun pertama semua syarikat tersenarai diwajibkan membuat pelaporan segmen di bawah MASB 22. Maka ada kemungkinan keyakinan pelabur masih rendah terhadap ketepatan maklumat segmen baru MASB 22 jika dibandingkan dengan maklumat segmen IAS 14 yang telah dilaporkan semenjak tahun 1987. Ini adalah kerana pendekatan risiko dan pulangan MASB 22 yang baru mungkin mengubah lagi bilangan segmen yang perlu dilaporkan dalam laporan segmen selepas tahun 2003. Ini boleh menjejaskan kerelevanan nilai maklumat segmen MASB 22. Ketiga, kajian ini menggunakan pendekatan persampelan rawak secara sistematik. Maka ada kemungkinan hasil kajian yang diperolehi daripada sampel syarikat mempunyai perbezaan dengan hasil kajian jika seluruh populasi digunakan. Keempat, pembolehubah lain yang mungkin mempengaruhi keputusan mungkin tidak diambil kira kerana bilangan pembolehubah yang boleh diuji dalam sesuatu kajian adalah dihadkan oleh masa dan sumber yang ada.

Kajian di masa hadapan boleh menguji kerelevanan nilai maklumat segmen dengan menggunakan maklumat panel. Kaedah ini dirasakan lebih baik untuk menunjukkan kesan pengaruh masa dalam pembuatan keputusan. Kajian masa hadapan juga boleh membuat perbandingan kerelevanan nilai maklumat segmen berdasarkan kepada piawai yang berbeza.

RUJUKAN

- Aitken, M.J., Czerkowski, R.M. & Hooper, C. G. 1994. The information content of segment disclosures: Australian evidence. *Abacus* 30(1):65-77.

- Balakrishnan, R., Harris, T. S. & Sen, P.K. 1990. The predictive ability of geographic segment disclosures. *Journal of Accounting Research* 28:305-325
- Barth, M. E. 1994. Fair value accounting: Evidence from investment securities and the market valuation of banks. *The Accounting Review* 69 (January):1-25.
- Barth, M. E., Beaver, W. H. & Landsman, W. R. 1996. Value relevance of banks fair value disclosure under SFAS 107. *The Accounting Review* 71:513-537.
- Berger, P.G. & Hann, R. 2003. The impact of SFAS 131 on information and monitoring. *Journal of Accounting Research* 41(2):163-222.
- Boatsman, J. R., Behn, B. K. & Patz, D. H. 1993. A test of the use of geographical segment disclosures. *Journal of Accounting Research* 31(supplement):46-64
- Bodnar, G. M. & Weintrop, J. 1997. The valuation of the foreign income of U.S. multinational. *Journal of Accounting and Economics* 24:69-97.
- Burgstahler, D. & Dichev, I. 1997. Earnings, adaptation and equity value. *The Accounting Review* 72(2):187-215.
- Chen, P.F. & Zhang, G. 2003. Heterogeneous investment opportunities in multiple segment firms and the incremental value relevance of segmental data. *The Accounting Review* 78(2):397-428
- Chow, K.W. L. & Susela Devi, S. 2001. Accounting disclosure practices and firm characteristics: evidence from Malaysia based on segment information disclosure, Dalam *Accounting Theory & Practice A Malaysian Perspective*. S.Susela Devi, Hooper, K. & Davey, H. 347-364. Pearson Prentice Hall. Kuala Lumpur.
- Collins, D. W. 1976. Predicting earnings with sub-entity data: Some further evidence. *Journal of Accounting Research* 14:163-177.
- Collins, D. W., Maydew, E.L & Weiss, I.S. 1997. Changes in value relevance of earnings and book values over the past forty years. *Journal of Accounting and Economics* 24:39-67.
- Emmanuel, C. R. & Pick, R. 1980. The predictive ability of UK segment report. *Journal of Business Finance and Accounting* 7(2):201-217.
- Ettredge, M.L., Kwon, S. Y., Smith, D. B. & Zarowin, P.A. 2005. The impact of SFAS 131 business segment data on market's ability to anticipate future earnings. *The Accounting Review* 80(3):773-804
- Financial Accounting Standard Board (FASB). 1976. SFAS 14. *Financial Reporting for Segment of a Business Enterprise*.
- Financial Accounting Standard Board (FASB). 1978. SFAS 1. *Objective Financial Reporting for Segment of a Business Enterprise*.
- Financial Accounting Standard Board (FASB). 1997. SFAS 131. *Disclosure about Segments of an Enterprise and Related Information*.
- Givoly, D., Hayn, C. & J. D'Souza. 1999. Measurement errors and the information content of segment reporting. *Review of Accounting Studies* 4:14-43.
- Graham, R. C. & King, R. D. 2000. Accounting practices and the market valuation of accounting numbers: evidence from Indonesia, Korea Malaysia, Philippines, Thailand and Taiwan. *The International Journal of Accounting* 35(4):445-470.
- Hassan, M. S., Percy, M. & Stewart, J. 2006. The value relevance of fair value disclosures in Australian firms in the extractive industries. *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance* 2(1):41-61.
- Hayn, C. 1995. The information content of losses. *Journal of Accounting and Economics* 20:25-153.

- Herrmann, D. & Thomas, W. 2000. Geographic segment disclosures: Theories, findings, and implications. *The International Journal of Accounting* 32(4):487-501.
- Ho, J.L.C., Liu, C.H. & Sohn, P.S. 2001. The value relevance of accounting information around the 1997 Asian financial crisis-the case of South Korea. *Asia Pacific Journal of Accounting and Economics* 8:83-107.
- International Accounting Standard Committee. 1981. IAS 14. *Segment Reporting*.
- International Accounting Standard Committee. 1997. IAS 14(Revised). *Segment Reporting*.
- Kennedy, P. 1998. *A guide to econometrics*. 4th Edition. UK: Blackwell Publishing.
- King, R.D. & Langli, J.C. 1998. Accounting diversity and firm valuation. *International Journal of Accounting* 33(5):529-567.
- Kinney, W. 1971. Predicting Earnings: Entity versus Subentity Data. *Journal of Accounting Research* 9(Spring):127-136.
- Kochanek, R. 1974. Segmental financial disclosure and security prices. *The Accounting Review* 49(2):245-258.
- Maines, L., McDaniel, L. & Harris, M. 1997. Implications of proposed segment reporting standards for financial analysts' investment decisions. *Journal of Accounting Research* (Supplement):1-24.
- Malaysian Accounting Standard Board. 1999. MASB 1. *Presentation of Financial Statements*.
- Malaysian Accounting Standard Board. 2000. MASB 22. *Segment Reporting*.
- Mande, V. & Ortman, R. 2002a. The effect of Japanese business segment reporting on analysts' forecasts: implications for US investors and the SEC. *Journal of Accounting and Public Policy* 21:31-70.
- Mande, V. & Ortman, R. 2002b. Are recent segment disclosure of Japanese firms useful? Views of Japanese financial analysts. *The International Journal of Accounting* 37(1):27-46.
- Martin, A. D. & Poli, P.M. 2004. The usefulness of geographic segment disclosure for U.S.-based MNCs operating in emerging markets. *Advances in International Accounting* 17:199-225.
- Mautz, R.K. 1968. *Financial Reporting by Diversified Companies*. Financial Executive Research Foundation. New York.
- Mazlina, M.Z. & Low, L.T. 2001. Segmental reporting: an insight into Malaysia companies. Working Paper. Multimedia University.
- McConnell, P. & Pacter, P. 1995. IASC and FASB proposals would enhance segmental reporting. *The CPA Journal* (August):32-26.
- Muhd-Kamil, I., Marzita, M.S., Radziah, A.L. & Zaleha, A.S. 2003. Value relevance of accounting numbers : an empirical investigation of purchased goodwill. *Malaysian Accounting Review* 2 (1):106-123.
- Nicholas, D., Tunnell, L. & Seipel, C. 1995. Earnings forecast accuracy and geographic segment disclosures. *Journal of International Accounting, Auditing & Taxation* 4(2):113-126.
- Ohlson, J. 1995. Earnings, book values and dividends inequity valuation. *Contemporary Accounting Research* 11(2):661-87.
- Porwal, S., Porwal, H.K. & Lee, S.F. 2001. Segment Reporting in Selected Developing Economies, *Akauntan Nasional*. June:6-12.

- Radebaugh, L.H. & Gray, S.J. 1997. *International Accounting and Multinational Enterprises*. 4th Ed. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Roberts, C. 1989. Forecasting earnings using geographic segment data: some U.K. evidence. *Journal of International Financial Management and Accounting*:130-151.
- Silhan, P.A. 1983. The Effects of Segmenting Quarterly Sales and Margins On Extrapolative Forecasts of Conglomerate Earnings: Extension and Replication. *Journal of Accounting Research* 21(1):341-347.
- Silhan, P.A. & McKeown, J. 1985. Further evidence on the usefulness of simulated merger. *Journal of Accounting Research* 23(1):416-426.
- Simko, P.J. 1999. Financial instrument fair values and non-financial firms. *Journal of Accounting, Auditing and Finance* (Summer):247-273.
- Street, D.L. & Nichols, N.B. 2002. LOB and geographic segment disclosures: n analysis of the impact of IAS 14 revised. *Journal of Accounting, Auditing & Taxation* 11:91-113.
- Talha, M., Salehuddin, A. & Mohammad, J. 2006. Changing patern of competitive disadvantage from disclosing financial information: A case study of segmental reporting practice in Malaysia. *Managerial Auditing Journal* 21(3):265-274.
- Tan, L.T. & Ngan, Y.T. 1991. Segmental reporting and its effects on security price. *The Malaysian Accountant* June:10-15.
- Thomas, W. B. 2000. The value-relevant of geographic segment earnings disclosures under SFAS 14. *Journal of International Financial Management and Accounting* 11(3):133-147.
- Tse, S. 1989. Attributes of industry, industry segment and firm specific information in security valuation. *Contemporary Accounting Research* 5(2):592-614.
- Venkatachalam, M. 1996. Value-relevance of banks' derivatives disclosures. *Journal of Accounting and Economics* 22:327-355.
- Wan Nordin, W-H., Noriah, C-A., Nor Asma, L. & Hasnah, K. 2003. Early adoption of MASB 22: Segment reporting by Malaysian listed companies, *Malaysian Accounting Review* 2(1):139-152.

Mohamat Sabri Hassan
School of Accounting
Faculty of Economics & Business
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email : sabri1@ukm.my

